



## **KAEDAH JIMAT CERMAT DALAM KALANGAN MAHASISWA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

### **[FRUGAL METHODS AMONG UNIVERSITY STUDENTS ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE]**

NUR FARHA MUHAMMAD FALEH LAI,<sup>1</sup> WAN ZUHAIRA NASRIN WAN ZAINUDIN,<sup>2</sup>  
NUR SYAZANA ADAM<sup>3</sup> & SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, MALAYSIA

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus  
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu MALAYSIA

\*Corresponding Author: farhafaleh lai@gmail.com

*Received: 23 February 2023 | Accepted: 23 March 2022 | Published: 30 March 2023*

#### **Abstrak**

Konsep berjimat cermat merupakan suatu kaedah menguruskan kewangan dan harta benda dengan cara yang betul bagi mengelakkan pembaziran. Walaupun begitu, terdapat dalam kalangan mahasiswa yang tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik hingga terlalu boros dan menyebabkan pembaziran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan perbincangan tentang kaedah berjimat cermat yang seharusnya bagi seorang mahasiswa dalam berbelanja berdasarkan perspektif Islam. Kajian berbentuk kualitatif ini telah merujuk jurnal, artikel dan buku bagi mendapatkan data yang berkaitan. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode deskriptif bagi menghasilkan dapatan kajian. Kajian mendapati bahawa di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan isu pengurusan perbelanjaan. Hal ini terbukti apabila Nabi Yusuf a.s. telah memberi peringatan kepada rakyatnya bagaimana untuk menguruskan hasil pertanian agar bertahan dalam masa yang lama. Kajian merumuskan bahawa kemahiran menguruskan perbelanjaan merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan seseorang mahasiswa. Ini kerana, seandainya seseorang mahasiswa gagal untuk menguruskan kewangan dan perbelanjaan dengan baik dibimbing akan berlaku pembaziran dan memberi bebanan terutamanya

kepada anggota keluarga untuk membantu mereka dalam memenuhi keperluan pembelajaran. Natiyahnya, kajian ini merumuskan beberapa kaedah jimat cermat yang digariskan untuk panduan mahasiswa.

**Kata kunci:** *jimat cermat, mahasiswa, Islam*

### **Abstract**

The concept of frugal is a method of managing finances and property in the right way to avoid waste. Even so, there are among students who are not able to manage their finances well to the point of being too extravagant and causing waste. Therefore, this study aims to highlight the discussion about frugal methods that should be used by a student in shopping based on an Islamic perspective. This qualitative study has referred to journals, articles and books to obtain relevant data. All the data obtained were analysed using a descriptive method to produce research findings. The study found that in the Qur'an there are verses of the Qur'an that are related to the issue of expense management. This is proven when Prophet Yusuf a.s. has reminded his people how to manage agricultural products to last for a long time. The study concludes that the ability to manage expenses is something important in the life of a student. This is because, if a student fails to manage finances and expenses well, there will be a risk of waste and burden especially on family members to help them in meeting their learning needs. In conclusion, his study summarizes some frugal methods for students' guidance.

**Keywords:** *rugal, university students, Islam*

Cite as: Nur Farha Muhammad Faleh Lai, Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur Syazana Adam<sup>3</sup> & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2023). Kaedah Jimat Cermat dalam Kalangan Mahasiswa Menurut Perspektif Islam [Frugal Methods Among University Students According to Islamic Perspective]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(1), 96-108.

## **PENGENALAN**

Kewangan berasal daripada Bahasa Latin iaitu '*finis*' yang merujuk kepada pengeluaran, pengagihan, pembelian keperluan dan tanggungan (*liabiliti*) yang bertujuan untuk memperoleh aset-aset yang diperlukan (Norfaizah & Fadilah, 2021; Che Adenan et. al., 2022). Apabila digabungkan pengurusan kewangan, maka ia merujuk kepada proses-proses yang melibatkan perancangan, pelaksanaan, belanjawan, perbelanjaan, perolehan dan sebagainya (Che Adenan et. al., 2022). Berkait dengan pengurusan kewangan, keadaan ekonomi global pada hari ini tidak berada pada paras yang kukuh dan memberi kesan terhadap pertukaran mata wang dunia hingga menyebabkan ketidakstabilan harga barangan di pasaran. Hal ini berlaku disebabkan oleh keadaan dunia yang berada pada fasa pemulihan ekonomi pasca Covid-19 (Mohd Asyraf & Mohd Aiman, 2021).

Justeru bagi menangani isu ini, kebanyakan negara di dunia telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi bagi mengelakkan kegawatan ekonomi yang lebih teruk lagi. Di samping itu, institusi kewangan dunia seperti World Bank telah menawarkan pelan pinjaman kewangan sebanyak USD14 bilion, *International Monetary Fund* (IMF) telah menawarkan pinjaman sebanyak USD1 trilion, Bank Pusat Eropah menawarkan bon 750 bilion Euro kepada negara-negara miskin yang sedang membangun (Mohd Asyraf & Mohd Aiman, 2021). Keadaan juga ini turut memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi negara ini hingga menyebabkan penyusutan nilai ringgit dan penurunan hasil keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang berkait dengan pendapatan, pekerjaan dan pengangguran serta penghasilan dan hasil jualan runcit (Mohd Asyraf & Mohd Aiman, 2021; Muhammad Husni et. al., 2022).

Dalam hal ini, pengurusan kewangan yang betul mesti diaplikasikan dalam kehidupan seharian khususnya dalam kalangan mahasiswa yang majoritinya tidak mempunyai pendapatan. Meneliti kajian literatur, terdapat ramai dalam kalangan pengkaji yang mengupas tentang isu pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa. Antaranya ialah Dahlia et. al. (2009), Aisyah & Wajeeha, (2016), Azharuddin et. al. (2021) telah mendapati bahawa majoriti dalam kalangan mahasiswa tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik dan lebih mengutamakan perbelanjaan peribadi berbanding melakukan sedikit simpanan, tidak merancang dengan baik setiap perbelanjaan mereka. Ini berlaku disebabkan oleh mereka memperoleh wang dengan mudah sama ada melalui biasiswa, pinjaman atau sumber kewangan daripada ibu bapa.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Azharuddin et. al. (2021) pula mendapati bahawa jumlah pinjaman yang diperoleh oleh mahasiswa tidak mencukupi dan mahasiswi lebih banyak membuat simpanan berbanding mahasiswa. Dalam hal ini, mahasiswi banyak memperuntukkan perbelanjaan mereka terhadap kosmetik, telefon bimbit, aksesori, hadiah dan hiburan. Manakala mahasiswa memperuntukkan perbelanjaan mereka terhadap makanan, pakaian, hiburan, alat tulis, pengangkutan, rekreasi dan perubatan. Walaupun begitu, perbelanjaan harian mahasiswa melebihi had pembiayaan pengajian yang mereka peroleh (Azharuddin et. al., 2021). Di samping itu, kos sara hidup semakin hari semakin meningkat juga telah menambahkan bebanan kepada mahasiswa tambahan pula mereka tidak mampu menguruskan perbelanjaan dengan baik hingga berlaku pembaziran (Aisyah & Wajeeha, 2016).

## METODOLOGI

Strategi awal dalam merangka langkah-langkah penjimatan untuk mahasiswa adalah dengan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan. Kaedah ini menghubungkan perkaitan antara kaedah jimat cermat yang dianjurkan Islam yang sesuai dijadikan gaya hidup bagi mahasiswa, khususnya mereka yang belajar sepenuh masa tanpa menjana pendapatan. Dalam proses ini, enjin carian *Scopus* (<https://www.scopus.com/>) *MyJurnal* (<https://myjurnal.mohe.gov.my/>), *Econbiz* (<https://www.econbiz.de/>) dan *Google Scholar* (<https://scholar.google.com/>) telah digunakan bagi mengenal pasti yang sepadan dengan kriteria yang telah ditetapkan. Rangkaian carian (( "jimat cermat" OR "literasi kewangan" ) OR ( "jimat cermat" AND "barat OR Islam" ) ) OR ( ( "gaya hidup" OR "kewangan" OR "\*belanja\*" ) AND ( "mahasiswa" OR "pelajar" OR "universiti" ) )

digunakan untuk pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar* agar dapatan lebih stabil. Manakala kaedah carian kata kunci dengan tema seperti ‘jimat cermat’, ‘gaya hidup pelajar atau mahasiswa’, ‘perbelanjaan pelajar atau mahasiswa’ dan ‘literasi kewangan pelajar atau mahasiswa’ telah digunakan secara manual untuk pangkalan data *MyJurnal* dan *Econbiz*. Strategi ini berjaya menemui sebanyak 220 padanan artikel. Walau bagaimanapun, hanya 35 artikel berbaki setelah melalui saringan fasa kedua. Sejumlah 74% artikel menggunakan metodologi kuantitatif untuk mengenal pasti kefahaman dan tabiat mahasiswa dalam berbelanja, manakala baki 26% bersifat kuantitatif. Kebanyakan artikel yang dikenal pasti iaitu sebanyak 46% berkaitan dengan literasi kewangan, manakala hanya 5 artikel menyentuh nilai-nilai Islam. Dapatan-dapatan kajian yang ditemui juga menunjukkan hasil yang tidak konsisten dalam kemahiran pengurusan perbelanjaan mahasiswa. Daripada 16 dapatan kajian, sebanyak 11 kajian mengiktiraf kemahiran pengurusan mahasiswa pada tahap memuaskan, sebaliknya 3 kajian menunjukkan pada tahap sederhana dan terdapat 2 kajian menyimpulkan tahap kemahiran perbelanjaan mahasiswa pada tahap yang lemah. Seterusnya sejumlah 4 artikel telah dikenal pasti sebagai rujukan utama bagi menggariskan kaedah-kaedah penjimatan yang boleh dijadikan gaya hidup mahasiswa mengikut kaca mata Islam.

## **PERBINCANGAN DAN DAPATAN**

### **Definisi Jimat Cermat**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), jimat bermaksud cermat tentang perbelanjaan wang atau penggunaan sesuatu, hemat dan tidak boros manakala maksud cermat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula ialah hati-hati dalam berbelanja, hemat, jimat dan tidak boros. Secara ringkasnya, jimat cermat bermaksud tidak boros dalam berbelanja sesuatu sama ada dalam bentuk wang ataupun dalam bentuk barang. Amalan jimat cermat sangat penting dalam kehidupan manusia kerana sekiranya manusia tidak mengamalkan amalan sikap jimat cermat, maka akan berlakunya pembaziran. Oleh itu, amalan jimat cermat sangat penting dalam mengelakkan berlakunya pembaziran.

### **Anjuran Jimat Cermat Menurut Islam**

Secara umumnya, setiap perkara dalam Islam tidak terlepas dari aspek syariah termasuk dalam konteks perbelanjaan. Pada dasarnya berdasarkan kaedah fiqah, asal sesuatu perkara adalah harus. Namun ia seterusnya menjadi kewajipan demi memenuhi keperluan kehidupan. Dalam pada itu, amalan perbelanjaan juga berkait langsung dengan konsep *maqasid* syariah iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Panduan *maqasid* syariah ini penting bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sekali gus mengekalkan amalan jimat cermat dalam perbelanjaan mahasiswa (Azharuddin et. al., 2021). Panduan perbelanjaan adalah penting bagi mahasiswa kerana menurut (Alecia & Anuar, 2017) dan (Aisyah & Wajeeha, 2016) mahasiswa di universiti dan kolej universiti tempatan menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan. Kajian juga menunjukkan mahasiswa berbelanja di luar kemampuan tanpa keperluan serta mengikut gaya hidup yang tular di media

sosial sekali gus menjurus kepada ketidakcekapan pengurusan kewangan sebagai mahasiswa. Realitinya, walaupun berada di institusi pengajian tinggi namun wujud kelompok mahasiswa yang gagal menguruskan perbelanjaan mereka dengan baik. Justeru, pengurusan kewangan yang efisien serta amalan jimat perlu dipupuk berlandaskan *maqasid* syariah agar masalah kewangan dapat diatasi dan dalam masa yang sama dapat mendidik tabiat jimat cermat dalam diri mahasiswa (Azharuddin et. al., 2021).

Kehidupan dunia ini merupakan tempat ujian bagi sekalian manusia. Manakala kriteria wajib bagi individu yang beriman adalah akan diuji. Justeru, pemilikan dan perbelanjaan harta termasuk aspek berjimat cermat juga merupakan salah satu bentuk ujian Allah SWT kepada hamba-hambanya yang beriman. Ka'b bin 'Iyad mendengar daripada Rasulullah, baginda bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ فِتْنَةٌ وَفِتْنَةُ أُمَّتِي الْمَالُ

Maksudnya: “Sesungguhnya bagi setiap umat itu ujian dan ujian bagi umatku adalah harta”. (Riwayat al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi, Abwab al-Zuhd, Bab Ma Ja'a Anna Fitnah Hadhihi al-Ummah fi al-Mal*, hadith no. 2336, 4: 569).

Hadis ini berdarjat hasan sahih gharib sebagaimana yang diketahui daripada hadis Riwayat Mu'awiyah bin Salih (al-Tirmidhi, 1975).

Di samping itu, Allah SWT secara jelas memerintahkan supaya orang beriman berbelanja dalam kehidupan mereka. Perintah ini merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan dan bukan sekadar galakan atau bimbingan khususnya bagi mereka yang berasakan membelanjakan harta merupakan suatu kerugian.

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ آمَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللَّهُ وَكَانَ اللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا

Maksudnya “Dan apakah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka? Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mengetahui akan keadaan mereka”.

(Surah al-Nisa': 39)

Dalam pada itu, Rasulullah SAW juga berpesan bahawa sebaik-baik pemilikan harta adalah harta yang bersama dengan orang yang baik. Hal ini kerana, orang-orang yang baik semestinya akan menguruskan harta yang dimiliki dengan baik sesuai dengan tuntutan agama. Amr bin al-'As berkata, Rasulullah SAW telah bersabda:

يَا عَمْرُو نِعْمَ الْمَالُ الصَّالِحُ مَعَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ

Maksudnya: “Wahai 'Amr, sebaik-baik harta adalah yang bersama dengan orang yang baik” (Riwayat Ahmad dalam *Musnad Ahmad, Musnad al-Shamiyyin, Hadith 'Amr bin al-'As 'an Nabi SAW*, hadith no. 17763, 29: 299).

Jalur sanad ini dinyatakan pada ruangan komentar sebagai sahih mengikut syarat Muslim (Ahmad, 2001)

Justeru, setiap harta yang dibelanjakan perlulah secara sederhana agar tidak menjangkau indikator boros dan kedekut. Justeru, mahasiswa perlu mengambil perhatian untuk menjadi seorang individu Muslim yang diredai Allah adalah dengan mengamalkan konsep perbelanjaan yang tidak berlebihan namun pada masa yang sama tidak juga terlalu berkira hingga mencapai tahap kedekut. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu” (Surah al-Furqan: 67).

### **Jimat Cermat Dari Perspektif Barat**

Pendekatan yang dikemukakan oleh barat melalui pelbagai sistem dan teori khususnya kapitalis yang lebih menumpukan kepada praktis pengguna bagi memaksimumkan kepuasan dalam perspektif yang terhad. Penggunaan dan perbelanjaan merupakan satu tahap yang paling akhir dalam proses ekonomi, akhirnya telah berjaya membentuk satu pola yang asing dari kaca mata Islam. Dalam sistem kapitalis, wang adalah merupakan perangsang Tunggal kepenggunaan atau perbelanjaan yang terhasil menerusi peningkatan pendapatan hasil dari peningkatan daya pengeluaran. Sistem ekonomi ini digerakkan melalui kuasa beli yang dimanifestasikan oleh wang. Aspek perbelanjaan pada hari ini dilihat dari sudut yang terasing dan bersifat peribadi tanpa merujuk kepada ilmu fiqh atau ekonomi Islam. Tidak ada keperluan atau kaitan dengan soal-soal ibadat dalam perbelanjaan. Gejala ini menjadi lebih serius apabila fahaman sekular yang telah tercetus di barat telah menyerap masuk ke dalam sistem ekonomi terutama sekali dalam era moden yang kini didominasi oleh pemikiran barat khususnya faham kapitalis, menyebabkan corak atau 'kaedah' perbelanjaan bertunjangkan kepada konsep utiliti. Dengan fahaman ini, perbelanjaan adalah diukur dengan tingkat kepuasan individu yang berbelanja. Seterusnya aliran ini telah membentuk satu bentuk isme yang berpengaruh iaitu dikenali sebagai golongan yang berfahaman utilitarianisme (Ezani & Mohd Nor, 2004).

### **Jimat Cermat Dari Perspektif Islam**

Amalan *wasatiyyah* yang merujuk kepada prinsip kesederhanaan dalam setiap perkara supaya tidak berlebih-lebihan, melampaui batas dan pembaziran yang berkaitan dengan ibadah, ekonomi, politik, perundangan, sosial, akhlak dan urusan perbelanjaan kewangan (Muhammad Aiman Izzudin & Syarifah Noorul Madihah, 2022). Dari sudut pengurusan harta atau perbelanjaan, seseorang itu

ditegah daripada melampaui batas dan melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan sebarang manfaat ataupun sia-sia kerana merupakan suatu pembaziran terhadap nikmat kurniaan Allah SWT (Yusuf al-Qaradawi, 1995).

Dalam konteks pengurusan harta, Agama Islam telah mengupasnya dengan terperinci sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Yusuf ayat 47. Berdasarkan ayat ini, perancangan Nabi Yusuf a.s. dari sudut ekonomi telah diistilahkan dengan suatu metode untuk meningkatkan produktiviti dan mengelakkan berlaku pembaziran. Walaupun telah lama dipraktikkan oleh Nabi Yusuf a.s., metode ini didapati masih relevan untuk diaplikasikan dalam keadaan ekonomi pada hari ini yang masih kurang stabil. Seterusnya, pada ayat ke 48 daripada Surah Yusuf telah menyarankan agar setiap rakyat dalam sesebuah negara perlu berjimat cermat dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi (Abu Bakar et. al., 2016; Amru Khalid, 2012).

Berkait dengan kehidupan di alam universiti, mahasiswa pasti mengurus dan mengawasi sendiri perbelanjaan mereka. Justeru, setiap mahasiswa harus bijak dalam menguruskan perbelanjaan dan sepatutnya mengaplikasikan *maqasid syariat* yang berkaitan dengan tiga pertimbangan iaitu keperluan asas (*al-daruriyyat*), kehendak (*al-hajiyyah*) dan kelengkapan (*al-tahsiniyyah*). Oleh yang demikian, setiap perbelanjaan mahasiswa khususnya harus dinilai melalui tiga *maqasid* ini agar menjamin kelangsungan diri sendiri, keluarga dan orang sekeliling (Azharuddin et. al., 2021).

### **Saranan Islam dalam Berjimat Cermat**

Perbelanjaan mahasiswa seharusnya berobjektifkan tiga perkara iaitu ibadat, memandangkan ibadat merupakan asas bagi setiap aktiviti hidup Muslim. Justeru, setiap perkara yang mencanggahi urusan ibadah sekali gus menjuruskan kepada maksiat dan dosa perlu dielakkan. Objektif kedua adalah menghindari hutang khususnya hutang yang boleh memudaratkan diri dan keluarga seperti ceti haram. Walaupun berhutang merupakan perkara yang diharuskan, namun ia tidak digalakkan dalam Islam melainkan dalam keadaan yang menekan seperti kesempitan hidup. Bagi mengelakkan hutang yang tidak perlu, setiap perbelanjaan yang dilakukan perlulah dalam ruang lingkup kemampuan mahasiswa dari sudut kuasa beli. Tambahan pula, kehidupan sebagai mahasiswa yang rata-rata belum mempunyai tanggungjawab yang besar menjadi isyarat agar hutang-hutang yang tidak perlu wajib dijauhi demi kebaikan masa hadapan. Objektif seterusnya adalah mahasiswa perlu jelas dengan konsep keseimbangan dan kesederhanaan dari segi pendapatan dengan perbelanjaan, perbelanjaan dan manfaat, perbelanjaan dan tabungan serta larangan pembaziran dan kekikiran dalam pengurusan kewangan agar kehidupan sebagai mahasiswa dapat dijalani dengan sederhana. (Ezani & Mohd Nor, 2004).

Sikap belia dewasa ini dikatakan cenderung menambah hutang tanpa keperluan bagi mengejar kos hidup yang tinggi dalam memenuhi tuntutan gaya hidup yang materialistik dan boros. Di samping itu, sikap institusi-institusi kewangan yang memudahkan urusan pemberian pinjaman dan galakan penggunaan kad kredit juga memburukkan lagi kaedah pengurusan kewangan mahasiswa (Salbiah et. al., 2018). Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ؕ كُلُوا مِن ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ؕ وَلَا تُسْرِفُوا ؕ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: “Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau” (Surah al-An‘am: 41).

Situasi pengurusan perbelanjaan yang tidak berkesan dalam kalangan mahasiswa ini turut melibatkan mahasiswa dari bidang pengajian Islam. Kajian (Azharuddin et. al., 2021) menunjukkan walaupun mereka mempunyai pengetahuan berkenaan *maqasid syariah*, namun mereka gagal mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini menjelaskan bahawa latar belakang pendidikan tidak mempengaruhi amalan jimat cermat dalam kalangan mahasiswa. Rasionalnya, sekira pengetahuan *maqasid syariah* diamalkan, sudah pasti tolak ansur dalam berbelanja serta perbelanjaan tanpa keperluan dapat dibendung dengan lebih berkesan. Perbelanjaan tanpa keperluan mengundang tabiat pembaziran dalam berbelanja. Sedangkan Islam sangat menentang pembaziran malah mengaitkannya dengan amalan syaitan. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ؕ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya” (Surah al-Isra’: 27).

Selain itu, berdasarkan teladan daripada kisah Nabi Yusuf yang dimuatkan dalam al-Quran, Nabi Yusuf menganjurkan supaya merancang strategi dalam berbelanja dengan berjimat dalam berbelanja sebelum berlakunya masalah ekonomi. Situasi ini secara tidak langsung dapat difahami persediaan kebarangkalian berhadapan dengan beban kewangan pada masa akan datang (Abu Bakar et. al., 2016). Merendahkan gaya hidup atau meningkatkan pendapatan atau keduanya sekali juga merupakan aplikasi daripada teori Nabi Yusuf AS ini sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan yang mendatang.

### **Panduan Jimat Cermat Kepada Mahasiswa Mengikut Perspektif Islam**

Terdapat beberapa panduan dalam berjimat cermat berdasarkan perspektif Islam, iaitu:



### 1. Mengambil inisiatif mempelajari kaedah berjimat cermat

Kaedah berjimat cermat adalah sesuatu yang boleh dipelajari dan dipraktikkan mahasiswa. Natijah mempelajari ilmu literasi kewangan dari dimensi pemahaman dan kegunaan (Huston S.J, 2010) sedikit sebanyak membantu meningkatkan pendidikan kewangan mahasiswa (Rusliza et. al., 2018) dalam membuat keputusan pengurusan perbelanjaan yang bijak, iaitu keputusan yang membolehkan diri mereka berada dalam zon selamat dari aspek kesejahteraan kewangan dan harta (Mendes-Da-Silva et. al., 2012).

### 2. Menyediakan pelan perbelanjaan

Bajet atau pelan perbelanjaan dapat digunakan mahasiswa dalam mengimbangi wang yang bakal dibelanjakan dengan kedudukan kewangan yang ada. Justeru, pelan yang disediakan perlu didasari matlamat, keperluan dan juga kehendak (Zaimah et. al., 2020). Pelan perbelanjaan kini boleh dilakukan dengan menggunakan medium mudah alih seperti aplikasi iBajet yang boleh diakses di mana sahaja (Hazeel Amirul & Suhaila, 2022).

### 3. Merekod perbelanjaan dan mencatat hutang

Melalui rekod kewangan, setiap aliran wang yang dibelanjakan termasuk hutang-piutang dapat dilihat dengan jelas. Setiap hutang wajib dicatat dengan jelas jumlah, tempoh hutang serta perlu menepati janji untuk membayarnya (Dede Adriana, 2020). Dengan ini setiap perbelanjaan yang dikeluarkan mahasiswa termasuk hutang terhadap perkara yang tidak perlu dapat dikenal pasti dan dikurangkan dengan memfokuskan kepada barangan penting serta dapat mengawal agar perbelanjaan tidak dilakukan secara berlebihan (Barbara et. al., 2000). Amalan merekodkan perbelanjaan boleh dilakukan dengan membuat senarai semak wang yang dibelanjakan serta menyimpan resit-resit untuk tujuan pemantauan. Semakan perbelanjaan perlu dilakukan setiap bulan bagi mengelakkan ketirisan perbelanjaan daripada bajet perbelanjaan asal (Zaimah et. al., 2020).

### 4. Membezakan antara keperluan dan kehendak

Pengurusan kewangan yang cekap adalah dengan menggunakan wang semimum mungkin untuk mencapai matlamat yang ditetapkan semaksimum mungkin (Barbara et. al., 2000). Contohnya melakukan perbandingan harga terhadap barangan dengan kualiti yang sama cuma berbeza jenama dan harga. Mengutamakan fungsi adalah keperluan manakala mengutamakan jenama adalah kehendak semata-mata. Oleh itu, keupayaan membezakan antara keperluan dan kehendak juga secara tidak langsung menunjukkan kemahiran mahasiswa dalam menilai baik dan buruk.

## 5. Melakukan pembelian atas talian

Kemajuan teknologi maklumat hari ini telah mencetuskan norma baru dalam urusan jual beli. Kewujudan media yang mudah dicapai pengguna khususnya mahasiswa, menjadikan kaedah pembelian atas talian sebagai pilihan dalam bermuamalat. Kaedah pembelian ini membantu mahasiswa mendapatkan maklumat lebih jelas mengenai produk, membandingkan harga yang ditawarkan serta boleh berbelanja mengikut fleksibiliti masa. Selain itu, pengalaman yang dikongsikan pelanggan-pelanggan sedia ada juga dapat membantu persepsi dan *preferensi* mahasiswa dalam berbelanja. Kelebihan-kelebihan lain yang boleh dinikmati melalui kaedah pembelian atas talian adalah penjimatan masa, tenaga, kos pengangkutan malah ada juga peniaga yang menawarkan penghantaran percuma dan lain-lain tawaran istimewa yang menguntungkan pembeli (Taswiyah & Ali Imron, 2021).

## 6. Memanfaatkan kemudahan yang disediakan

Kesan daripada peningkatan kos sara hidup, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif pelbagai inisiatif untuk mengurangkan beban rakyat. Antaranya Kerajaan memperkenalkan pas perjalanan serta kad-kad diskaun dengan kolaborasi Integrasi Rakan Dagang syarikat-syarikat tertentu melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat mereka. Pihak kerajaan juga cakna terhadap mahasiswa dengan memperkenalkan kad diskaun pelajar khusus untuk meringankan kos sara hidup mahasiswa. Justeru, para mahasiswa perlu bijak mengambil peluang untuk berjimat cermat dengan memanfaatkan diskaun khas yang diperuntukkan ini (Fazli Sabri et. al., 2016).

## 7. Mengamalkan gaya hidup sihat

Mengamalkan gaya hidup sihat seperti berjalan di dalam kampus dan kawasan sekitar dapat membantu menjimatkan masa menunggu kenderaan dan juga kos pengangkutan. Selain itu, amalan pemakanan sihat yang halal lagi baik juga penting bagi mengekalkan tubuh badan yang sihat sekaligus dapat menjimatkan kos rawatan. Ini kerana makanan yang berkualiti dan selamat tidak hanya merujuk kepada rasa malah mewujudkan kesihatan yang baik dan jiwa yang tenang (Myo Min Aung & Yoon Seok Chang, 2014).

## 8. Doa diberikan kecukupan

Indikator yang paling penting yang menjadi tunjang kepada amalan jimat cermat mahasiswa adalah rasa cukup dan sentiasa bersyukur dengan rezeki halal yang dimiliki. Oleh itu, antara ikhtiar yang dapat dilakukan dalam berjimat adalah sentiasa berdoa agar diberikan rasa kecukupan dalam hati di samping zikir, syukur dan fikir agar dapat mengawal hawa nafsu dalam berbelanja (Celal Akar & Saiful Amri, 2019).

## DAPATAN

Kajian mendapati bahawa ilmu menguruskan perbelanjaan merupakan antara aspek yang penting dalam kehidupan pada hari ini terutama dalam kalangan mahasiswa yang tidak mempunyai pendapatan. Ini kerana setiap pendapatan yang diperoleh sama ada daripada ibu bapa, pinjaman atau tajaan akan diuruskan sendiri oleh mereka. Pada peringkat ini, mereka akan belajar untuk menguruskan perbelanjaan hingga apabila menempuhi alam pekerjaan, tabiat mereka berbelanja di alam universiti ini secara tidak langsung akan dibawa bersama. Oleh itu, di alam universiti ini mereka perlu menyemai budaya berjimat cermat dalam berbelanja agar tidak berlaku sebarang pembaziran. Di samping itu, mereka perlu merujuk kepada ajaran Islam yang menyeru umatnya agar berjimat cermat berbelanja kepada perkara yang perlu sahaja sebagaimana kisah Nabi Yusuf a.s. yang telah dinyatakan dalam al-Quran sebagai salah satu panduan dalam menguruskan perbelanjaan dan harta secara efisien.

## KESIMPULAN

Membelanjakan rezeki yang dikurniakan Allah SWT merupakan tuntutan dalam Islam khususnya dalam melunaskan keperluan-keperluan asas kehidupan. Namun begitu, perbelanjaan perlu dikelola dengan berhemah mengikut keutamaan agar tiada pembaziran berlaku. Hasil tinjauan terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan, kebanyakan mahasiswa secara asasnya mempunyai pengetahuan dalam literasi kewangan. Namun setelah diteliti, pengetahuan yang dimiliki tidak selari dengan amalan perbelanjaan yang dipraktikkan mereka dalam kehidupan seharian. Walaupun mahasiswa tahu akan keperluan berjimat cermat dalam berbelanja, namun secara praktikalnya mereka tidak mempunyai idea untuk mengamalkan jimat cermat dalam perbelanjaan harian. Justeru, beberapa panduan asas bagi amalan jimat cermat telah dimuatkan dalam kajian ini sebagai idea awal kepada mahasiswa untuk menerapkan nilai-nilai jimat cermat dalam pengurusan kewangan demi kesejahteraan belanjawan mereka.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Jaafar, Aiza Budin, Wan Azmi Wan Ahmad. (2016). Kaedah Perbelanjaan Nabi Yusuf AS bagi Sebuah Negara Menurut Al-Qur'an. *Konferensi Akademik* (pp. 433-438). Jengka: UiTM Cawangan Pahang.
- Aisyah Abdul-Rahman & Wajeeha Zulkifly. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (2), 85-94.
- Alecia Puyu Anak Seman & Anuar Bin Ahmad. (2017). Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA Dan IPTS. *International Conference on Global Education V* (pp. 2388-2405). Padang: Universitas Padang.
- Aminnudin Saimon & Muhammad Fuad Roslan. (2022). *Gajah dalam Peribahasa Melayu: Analisis Rangka Rujuk Silang*. LSP International Journal, 9 (2), 1-16.

- Azharuddin Abdollah, Nurul Aini Md Rais, Nur Hidayat Nordin, Intan Syaquina Jaafar. (2021). Pengurusan Kewangan Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Menerusi Maqasid Syariah. *Jurnal Maw'izah* 4, 81-93.
- Barbara C, Kerkmann, Thomas R. Lee, Jean M. Lown & Scot M. Allgood. (2000). Financial Management, Financial problems and Marital Satisfaction Among Recently Married University Students. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 55-65.
- Celal Akar & Mohd Saiful Amri bin Zainal Abidin. (2019). Gaya Hidup Nabawi: Prinsip-Prinsip Nabawi Yang Diamalkan Imam Said Nursi Dalam Pemakanan. *Journal al-'Abqari*, 17, 57-64.
- Dede Adriana. (2020). Konsep Utang Dalam Masyarakat Islam. *Jurnal al-Fatih Global Mulia*, 2 (2), 49-64.
- Ezani Yaakub & Mohd Nor Mamat. (2004). Praktis Perbelanjaan Masyarakat Islam Bandaraya Masa Kini. *International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings* (pp. 952-947). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanbal, A. (2001). *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Mu'assasah al-Risalah.
- Huston S.J. (2010). Measuring Financial Literacy. *The Journal of Consumer Affairs*, 44 (2), 296-316.
- Magesvari Ramasamy, Husaina Banu Kenayathulla & Muhammad Faizal A. Ghani. (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8 (3), 10-33.
- Mendes-Da-Silva, W., Nakamura, W.T & Moraes, D.C. (2012). Credit Card Risk Behavior on College Campuses: Evidence from Brazil. *BAR: Brazilian Administration Review*, 9 (3), 351-373.
- Mohamad Fazli Sabri & Leila Falahati. (2003). Predictors of Financial Well-Being among Malaysian Employees: Examining the Mediate Effect of Financial Stress. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 1 (3), 61-76.
- Mohamad Fazli Sabri, Ahmad Hariza Hashim, Ismi Arif Ismail & Nuraini Abdullah. (2016). Penilaian Tahap Penerimaan Dan Persepsi Program Kad Diskaun 1 Malaysia (1MDC). *Jurnal Pengguna Malaysia*, 26, 36-53.
- Muhammad bin Isa. (1975). *Sunan al-Tirmidhi*. Mesir: Syarikat Percetakan dan Perpustakaan Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Myo Min Aung & Yoon Seok Chang. (2014). Traceability In A Food Supply Chain: Safety And Quality Perspectives. *Food Control*, 39, 172-184.
- Nik Mohamad Hazeel Amirul Zainuddin & Suhaila Mohd. Yasin. (2022). Pembangunan Aplikasi Perancang Bajet (iBajet). *Applied Information Technology And Computer Science*, 3 (1), 878-888.
- Rusliza Yahaya, Norsamsinar Samsuddin, Norlia Mat Norwani & Nor Hanani Ahamad Rapani. (2018). Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan, Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan Pelajar. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3 (15), 40-48.

- Salbiah Nur Shahrul Azmi, Suzana Ab. Rahman, Suhailah Ibrahim, Nurulhayah Muhamad & Maryam Mohd Esa. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3 (2), 9-23.
- Taswiyah & Ali Imron. (2021). Persepsi Dan Preferensi Ibu Rumah Tangga Terhadap Sistem Berbelanja Secara Online/Online Shop. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 4 (1), 128-137.
- Zaimah Ramli, Noor Amarina Mohd Farid, Sarmila Md Sum & Azima Abd Manaf. (2020). Strategi Pengurusan Kewangan Mahasiswa Berkahwin: Kajian Perbandingan Malaysia Dan Indonesia. *Journal of Social Sciences And Humanities*, 17 (4), 90-104.